

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 3

## SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

### Markah penuh kertas 2 : 100 markah

Bahagian A(i)	: 20 markah
Bahagian A(ii)	: 10 markah
Bahagian B	: 20 markah
Bahagian C	: 40 markah
Bahagian D	: 10 markah

### Bahagian A (i) : 20 markah

- Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:
  - Bahasa dinilai secara tanggapan (impression)
  - Pemeriksa dikehendaki menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
  - Kemudian, peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

### Bahasa (10 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang (A)	9 – 10	- Bahasa baik dan lancar - Berupaya menggunakan ayat sendiri : pemilihan kata yang tepat : ayat yang gramatis : penanda wacana yang sesuai - Ejaan dan tanda baca betul
Baik (B)	6 – 8	- Bahasa baik dan lancar - Masih berupaya menggunakan ayat sendiri : pemilihan kata agak terhad : ayat yang masih gramatis : penanda wacana masih sesuai - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan (C)	3 – 5	- Bahasa kurang lancar - Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca ATAU - Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum (D)	1 – 2	- Keseluruhan jawapan menggambarkan bahasa yang lemah - Menyalin daripada petikan

### Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	5	4	3	2	1
Markah	9 -10	7 – 8	5 – 6	3 – 4	1 - 2

### Cara penandaan dan pemberian markah:

- Pemeriksa dikehendaki menanda ( / ) apabila terjumpa isi.
- Baca dan periksa setakat 80 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.

Periksa seperti biasa jika calon memerengankan jawapan.

Jika isi kurang, nilai bahasa seperti biasa – markah bahasa boleh mengatasi markah isi.

Jika jawapan murid dalam bentuk **catatan** (poin), markah isi penuh tetapi **markah bahasa maksimum 6**.

Jika murid menyalin isi secara terpilih daripada petikan tanpa mengubah mana-mana perkataan, markah isi penuh tetapi **markah bahasa maksimum 5**.

Jika isi disalin secara terpilih dan diringkaskan dalam bentuk poin, markah isi seperti biasa, manakala **markah bahasa maksimum 4**.

Murid menyalin petikan keseluruhan, **markah isi ditolak 50% dan markah bahasa maksimum 2**.

Periksa dan tanda jawapan murid seperti karangan bahagian C tetapi tiada potongan markah bagi kesalahan ejaan.

### Maksud menyalin petikan

1. Murid menyalin keseluruhan daripada mana-mana perenggan ATAU

2. Murid menyalin keseluruhan petikan yang diberi

### Isi cadangan:

1. Pengaruh media massa yang sering menonjolkan budaya kuning dari Barat.
2. Kemosrotan disiplin murid juga terjadi kerana masalah keluarga.
3. Sesetengah murid pula menjadikan sekolah sebagai tempat untuk melupakan segala masalah sehinggakan sanggup melanggar disiplin yang ditetapkan.
4. Hukuman yang dikenakan kepada murid juga merupakan faktor yang menyebabkan seseorang murid itu menjadi semakin liar.
5. Pengaruh rakan sebaya juga turut mempengaruhi kemosrotan disiplin murid.
6. Kemiskinan juga boleh menyebabkan seseorang itu melanggar disiplin sekolah.
7. Bagi menunjukkan diri mereka hebat dan berkemampuan, peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah tidak diikuti.
8. Kekurangan guru lelaki turut dikatakan menjadi salah satu punca kemosrotan disiplin.
9. Jiwa remaja yang mudah memberontak menyebabkan mereka suka melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

### Bahagian A(ii) : Soalan Pemahaman

#### **Soalan 1 : Maksud rangkai kata (2 markah)**

Markah	Deskripsi
2 markah	Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap Maksud kurang tepat mengikut konteks Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata

### Cadangan jawapan:

#### Soalan 1(2m)

1. Maksud rangkai kata menggunakan pendekatan:
  - mengaplikasikan / mengamalkan / memakai/ menerapkan/ mempraktikkan / melaksanakan....
  - kaedah / cara / langkah

**Soalan 2 : Soalan pemahaman berdasarkan petikan (4 markah)**

Masalah	Deskripsi
4 markah	-Isi dinyatakan dengan cukup lengkap dan ayat gramatis
3 markah	-Isi cukup serta lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis
0 markah	-Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis -Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

**Cadangan jawapan:**

Soalan 2 (4 markah)

2. Peranan Ibu bapa untuk mengatasi masalah disiplin murid:
- Ibu bapa perlu lebih prihatin terhadap anak-anak mereka yang meningkat remaja.
  - Ibu bapa perlu selalu berhubung dengan pihak sekolah untuk memastikan anak mereka mematuhi disiplin yang ditetapkan.

**Soalan 3 : Soalan pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)**

Markah	Deskripsi
4 markah	-Isi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	-Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	-Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	-Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis -Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

**Cadangan jawapan:**

Soalan 3 (4 markah)

3. Golongan remaja mudah terikut-ikut nilai negatif yang datang dari Barat kerana:
- Mereka beranggapan segala-gala yang datang dari Barat lebih maju dan lebih moden
  - Mereka tidak mahu ketinggalan zaman
  - Kurangnya didikan agama menyebabkan mereka sukar untuk membuat pertimbangan antara yang salah dan yang betul
  - Kurangnya perhatian dan pemantauan daripada ibu bapa tentang kegiatan anak-anak ketika di luar sekolah
  - Masyarakat kurang prihatin dengan aktiviti yang dilakukan oleh para remaja.
- *Pilih mana-mana dua jawapan di atas atau yang relevan*

### Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (20 markah)

1. Periksa sehingga 120 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Isi sekurang-kurangnya 3.
3. Jika murid menggunakan semua isi dalam rajah – peringkatkan cemerlang.
4. Jika murid menggunakan 2 isi daripada rajah – peringkatkan baik.
5. Jika murid tidak menggunakan isi daripada rajah – peringkatkan memuaskan.
6. Isi luaran yang relevan dengan tugas- diterima

#### Kriteria Penskoran

PERINGKAT	DESKRIPSI
Cemerlang (A) 16 – 20	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penggunaan kata dan ayat yang gramatis</li><li>-Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat</li><li>-Ejaan dan tanda baca yang betul</li><li>-Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata</li><li>-Idea yang relevan berdasarkan tugas</li><li>-Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang.</li><li>-Pengolahan menarik dan berkesan</li></ul>
Baik (B) 11 – 15	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan kata dan ayat masih gramatis</li><li>-Penggunaan kosa kata yang tepat</li><li>-Terdapat kesalahan yang ejaan dan tanda baca yang minimum</li><li>-Idea masih relevan berdasarkan tugas</li><li>-Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan kurang dikembangkan</li><li>-Pengolahan menarik</li></ul>
Memuaskan (C) 6 – 10	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan kata dan ayat kurang gramatis</li><li>-Penggunaan kosa kata yang terhad</li><li>-Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li><li>-Idea kurang relevan berdasarkan tugas</li><li>-Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad</li><li>-Pengolahan tidak menarik</li></ul>
Penguasaan Minimum (D) 1 – 5	<ul style="list-style-type: none"><li>-Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</li><li>-Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas</li></ul>

# Markah tidak ditolak untuk kesalahan ejaan

### Bahagian C : Karangan Respon Terbuka (40 markah)

Peringkat	Cemerlang	Kepujian	Baik	Memuaskan	Minimum
Markah	33 – 40	25 – 32	17 -24	9 – 10	1 - 8

#### KRITERIA MENILAI KARANGAN MURID:

Peringkat / Markah	Deskripsi
<b>Cemerlang (A)</b>  33 – 40  (37 – 40) (33 - 36)	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li><li>-Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat</li><li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li><li>-Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai</li><li>- Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas</li><li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik</li></ul>
<b>Kepujian (B)</b>  25 – 32  (29 – 32) (25 – 28)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li><li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai pada keseluruhannya</li><li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li><li>-Penggunaan kosa kata luas</li><li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh</li><li>- Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas</li><li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik</li></ul>
<b>Baik (C)</b>  17 – 24  (21 – 24)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li><li>- Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai</li><li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum</li><li>- Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas</li><li>- Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas</li></ul>
<b>Memuaskan (D)</b>  09 – 16	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad</li><li>-Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>-Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat</li><li>-Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li></ul>

### Bahagian C : Karangan Respon Terbuka (40 markah)

Peringkat	Cemerlang	Kepujian	Baik	Memuaskan	Minimum
Markah	33 – 40	25 – 32	17 -24	9 – 10	1 - 8

#### KRITERIA MENILAI KARANGAN MURID:

Peringkat / Markah	Deskripsi
<b>Cemerlang (A)</b>  33 – 40  (37 – 40) (33 - 36)	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li><li>-Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat</li><li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li><li>-Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai</li><li>- Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas</li><li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik</li></ul>
<b>Kepujian (B)</b>  25 – 32  (29 – 32) (25 – 28)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li><li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai pada keseluruhannya</li><li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li><li>-Penggunaan kosa kata luas</li><li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh</li><li>- Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas</li><li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik</li></ul>
<b>Baik (C)</b>  17 – 24  (21 – 24)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li><li>- Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai</li><li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum</li><li>- Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>- Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas</li><li>- Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas</li></ul>
<b>Memuaskan (D)</b>  09 – 16	<ul style="list-style-type: none"><li>-Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad</li><li>-Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li><li>-Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat</li><li>-Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li></ul>

(09 – 12)	Pengolahan kurang menarik, dengan pemerenggan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat / format bercampur aduk
<b>Penguasaan Minimum (E)</b> 01 – 08  (05 – 08) (01 – 04)	-Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lau terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Kemudian, menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat A, B, C, D atau E. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **bahasa, isi dan penyampaian**.

**Isi : Dikehendaki minimum tiga (3) isi.**

2. Tetapkan peringkat karangan itu ke dalam satu daripada peringkat di bawah:

(a) Karangan yang kurang daripada 180 perkataan.

Bagi karangan yang jumlah perkataan kurang daripada 180 perkataan, hendaklah diperingkatkan karangan itu seperti di bawah sekiranya isi, bahasa dan pengolahan adalah baik.

3. Bagi setiap kesalahan ejaan tolak  $\frac{1}{2}$  markah, maksimum 2 markah

Jika karangan berformat tidak menepati format – **tidak ada penolakan markah**, tetapi 'impression' pemeriksa menurun

## Bahagian D : Novel (10 markah)

### Perhatian bagi Bahagian D:

1. Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang gramatis
3. Berikan **2 markah** bagi setiap satu peristiwa yang betul.
4. Markah maksimum bagi isi **6 markah**.
5. Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**
6. Markah bahasa diberi secara tanggapan (impression)
7. Markah maksimum **10 markah**

### Bahagian D : Novel Panduan Isi Jawapan

#### Persoalan : NOVEL TINGKATAN 1 (BUKAN DUNIAKU)

1. Pengorbanan anak terhadap keluarga.  
Contoh : Salleh sanggup berhenti sekolah untuk membantu ayahnya akibat kemiskinan hidup.
2. Semangat setiakawan dalam persahabatan.  
Contoh : Salleh sanggup membantu Halim daripada terus dipukul oleh konco-konco Abang Joe sehingga menyebabkan dia turut dipukul sehingga pengsan.
3. Keinsafan setelah melakukan kesilapan.  
Contoh : Halim telah insaf akan perbuatannya yang lari dari rumah dan ingin segera pulang ke pangkuan keluarganya.
4. Tanggungjawab pasukan keselamatan menghapuskan kegiatan jenayah.  
Contoh : Pasukan polis yang diketuai oleh Fariz telah berjaya menangkap Abang Joe dan konco-konconya yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah.

#### Per soalan :NOVEL TINGKATAN 2 (LESTARI BUKIT MENGHIJAU)

1. Tumbuh-tumbuhan mempunyai hubungan yang rapat dengan manusia.  
Contoh: setelah berkenalan dengan Pak Tua, Zahirah memahami banyak perkaitan antara hutan dengan manusia.
2. Kepentingan budaya membaca.  
Contoh: Pak Tua menasihati Zahiran supaya banyak membaca agar mendapat maklumat yang banyak.
3. Sayang seseorang terhadap pokok yang mendatangkan faedah kepada masyarakat.  
Contoh: Pak Tua selalu memarahi orang yang menebang pokok.
4. Pengetahuan mendalam berkaitan kebaikan tumbuhan.  
Contoh: Pak Tua mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan khasiat tumbuh-tumbuhan.



5. Pendidikan tentang pelestarian alam.  
Contoh: Cikgu Idham mendidik anak muridnya tentang pelestarian alam.
6. Kerjasama bagi menjayakan sesuatu aktiviti.  
Contoh: Murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Rambai bekerjasama bagi menjayakan projek yang dirancang oleh Cikgu Idham.
7. Sangkaan yang tidak tepat dalam masyarakat.  
Contoh: Masyarakat kampung bersangka buruk terhadap Pak Tua.

Persoalan : NOVEL TINGKATAN 3 (MERENANG GELORA)

1. Sikap ibu bapa yang cuai dalam memberikan pendidikan yang betul terhadap anak-anak.  
Contoh : Ibu bapa Shahrul sibuk bekerja dan cuai menjaga Shahrul sehingga dia terlibat dalam perlumbaan motor haram.
2. Keprihatinan dalam mendidik anak-anak.  
Contoh : Encik Tan menghantar Meng Kong tinggal di asrama supaya dia insaf akan kesalahannya.
3. Kehidupan alam remaja yang menyalahi undang-undang.  
Contoh : Shahrul dan rakan-rakannya terlibat dengan aktiviti merempit.
4. Keinsafan akan kesalahan yang telah dilakukan.  
Contoh : Setelah berkawan baik dengan Badri dan Kumar, Meng Kong telah insaf dan taat akan perintah ayahnya.

*Mana-mana jawapan yang difikirkan sesuai boleh diterima*